



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (187)

Tarikh : 18 November 2016

## **SIARAN MEDIA**

### **Persekitaran Bersih Rakyat Sejahtera**

Putrajaya, 18 November 2016 – YB Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) merasmikan Persidangan Kesihatan Persekitaran Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan 2016 pada petang ini.

2. KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) memilih tema bagi persidangan kali ini ialah “Persekitaran Bersih, Rakyat Sejahtera” yang mana ia menuntut agar aspek penjagaan persekitaran bersih adalah elemen penting bagi memastikan kelangsungan kesejahteraan rakyat. Contoh: Kerajaan menyediakan kemudahan pembuangan najis dan bekalan air yang sempurna di awal tahun 80an dan ia telah dapat menghapuskan penularan penyakit berjangkit seperti kolera, demam kepialu atau tifoid, cirit birit dan hari ini kejadian penyakit berjangkit bawaan makanan dan air seperti di atas sangat jarang dilaporkan di Malaysia. Begitu juga pengurusan sampah sarap yang teratur dan berkesan dapat menghindari kejadian penyakit bawaan tikus seperti jangkitan leptospirosis dan terkini wabak demam denggi dan jangkitan Zika.

3. Pengisian Persidangan Kesihatan Persekitaran Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan 2016 ini ialah pembentangan sebelas (11) kertas kerja oleh institusi pengajian tinggi tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui 4 Sesi berasingan

iaitu Pengurusan Kesihatan Persekitaran, Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, Sanitasi Bandar dan Kesihatan Awam.

4. Antara isu-isu yang akan dikupas dalam persidangan ini adalah Aplikasi Penilaian Risiko Kesihatan Persekitaran Dalam Sanitari Bandar yang akan dibentangkan oleh pembentang daripada UPM. Cadangan Pewujudan Garis Panduan Kawalan Nyamuk Aedes di Kawasan PBT, *Mosquito Buster*, suatu kaedah menjauhkan nyamuk di sesuatu lokaliti oleh Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kaedah Menangani Masalah Anjing Terbiar berdasarkan pengalaman yang dilalui oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan pengalaman oleh Majlis Perbandaran Kuantan menyaksikan perkembangan kesihatan persekitaran dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan berdasar lawatan pegawai teknikal mereka ke Madurah City Council, Perth, Australia penghujung bulan yang lalu.

5. Selain daripada itu, sebelas(11) pembentang poster daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Institusi Pengajian Tinggi mengetengahkan tajuk-tajuk berkaitan kesihatan persekitaran dan 10 pempamer mengambil bahagian dengan memperagakan barangan yang berkaitan dengan kesihatan persekitaran.

6. Objektif Persidangan tahunan ini adalah untuk membolehkan pegawai-pegawai teknikal yang terlibat dalam bidang Kesihatan Persekitaran di PBT dan Pihak Berkuasa untuk berkongsi maklumat, idea dan perkembangan terkini dalam bidang Kesihatan Persekitaran dan mengukuhkan jaringan hubungan antara perwakilan, pembentang, pembekal peralatan terkini berkaitan kesihatan persekitaran

7. Kesihatan Persekitan ini adalah penting atas sebab- sebab berikut:

- *International Federation of Environmental Health* (IFEH) telah menetapkan bahawa 26 September setiap tahun adalah Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia. Sambutan ini diraikan oleh pengamal kesihatan persekitaran di seluruh dunia mulai 2011.
- Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyarankan persekitaran yang bersih dan mapan adalah faktor utama untuk mempertingkatkan kualiti hidup manusia.
- Statistik WHO menunjukkan 25 peratus kematian dan beban penyakit di dunia adalah dikaitkan dengan pelbagai faktor persekitaran seperti pendedahan kepada bahan hazad di udara, air, tanah dan makanan, bencana alam, kurang zat pemakanan, hazad fizikal serta persekitaran fizikal yang tidak kondusif.
- Vektor penyakit seperti nyamuk, lalat, tikus atau lipas merangkumi hampir 17% atau 2.5 bilion kesemua penyakit berjangkit yang dilaporkan dan vektor ini sering dikaitkan dengan persekitaran yang tidak bersih.

8. Persidangan ini mempunyai impak besar kepada KPKT amnya dan khususnya JKT. Impaks yang telah dicapai adalah:

- Ini adalah Persidangan ke 9 yang dianjurkan sejak 2008 dan persidangan-persidangan seperti ini telah berjaya membantu KPKT secara tidak langsung mewujudkan beberapa Garis Panduan penting yang telah diluluskan oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT).
- Antara Garis Panduan yang telah digunapakai di peringkat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negara adalah-

- ✓ Garis Panduan *Star Rating* Kebersihan Tandas Kegunaan Awam di Kawasan PBT 2012,
  - ✓ Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan lain-lain Unggas di Kawasan PBT 2014,
  - ✓ Garis Panduan Sistem Penggredan Premis Makanan di Kawasan PBT 2014, dan
  - ✓ Tatacara Operasi Piawai (*Standard Operating Procedure*) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2014.
- Beberapa garis panduan yang sedang dalam proses kelulusan Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP), KPKT & Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT)-
    - ✓ Pelan Tindakan Tandas Bersih Kebangsaan,
    - ✓ Manual Pembersihan Tandas Awam,
    - ✓ Garispanduan Amalan Baik Pengendalian Bahan Kimia,
    - ✓ Garis Panduan Kawalan Tikus di Kawasan PBT,
    - ✓ Garis Panduan Pasar Sejahtera dan
    - ✓ Garis Panduan Pelan Tindakan Nyamuk di kawasan PBT.

-----  
 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)